



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BILANGAN 5./2007
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PEMBUBARAN LEMBAGA KAKITANGAN

Adalah dimaklumkan bahawa keberkesanan Lembaga-Lembaga Kakitangan telahpun dinilai dan didapati sebilangan besarnya telah tidak dapat membantu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mempercepatkan proses pengambilan bagi mengisikan jawatan-jawatan kosong bagi jawatan-jawatan tertentu dalam Bahagian III dan kebawah.

2. Oleh yang demikian, pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Lembaga-Lembaga Kakitangan di Kementerian-Kementerian adalah dibubarkan mulai 1 April 2007 dan mulai tarikh tersebut semua kerja-kerja pengambilan bagi mengisikan jawatan-jawatan kosong yang dilaksanakan oleh Lembaga Kakitangan di Kementerian-Kementerian adalah dikembalikan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Sungguhpun demikian, mana-mana proses pengambilan yang telah dimulakan dan belum selesai sebelum 1 April 2007, Lembaga-Lembaga Kakitangan hendaklah meneruskan kerja-kerja tersebut hingga selesai walaupun melimpasi tarikh tersebut.

3. Mulai tarikh tersebut juga, Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan hendaklah menghadapkan mana-mana sokongan tindakan tatatertib kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, siapa yang akan menghadapkan sokongan-sokongan tertentu kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi sebarang ketetapan mengenainya. Sungguhpun demikian, sokongan tindakan tatatertib yang telah diterima oleh Lembaga Kakitangan sebelum 1 April 2007 hendaklah diproses sepertimana lazimnya sebelum ini dan dihadapkan terus ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dengan memberikan salinan sokongan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Sebarang ketetapan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam akan disampaikan melalui Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

4. Surat Keliling ini berkuatkuasa mulai 1 April 2007 dan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 4/2003 adalah dengan ini dibatalkan.

Sekian sahaja yang dapat disampaikan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

(PG DATO PADUKA HJ ABD HAMID BIN PG HJ MOHD YASSIN)

Setiausaha Tetap
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BA 1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Rujukan: 6 /JPM/SK/2007
Tarikh: 15 Safar 1428
05 Mac 2007



PEMBAHAGIAN:

Setiausaha Tetap, Kementerian Pertahanan
Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan
Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan
Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan
Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama
Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Setiausaha Tetap, Kementerian Perhubungan
Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan
Setiausaha Tetap, (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Pembangunan
Setiausaha Tetap, (Teknikal dan Professional) Kementerian Pembangunan
Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

JABATAN PERDANA MENTERI

Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara
Peguam Negara
Juruaudit Agung
Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei
Jurutulis Majlis-Majlis Mesyuarat
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Pengarah Keselamatan Dalam Negeri
Ketua Pengarah Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi
Pengarah Biro Mencegah Rasuah
Pengarah Biro Kawalan Narkotik
Pengarah Perkhidmatan Elektrik
Pengarah Unit Petroleum
Pengarah Radio Televisyen Brunei
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan
Pengarah Perkhidmatan Pengurusan
Pengarah Percetakan Kerajaan
Pengarah Penerangan
Pengarah Jabatan Kehakiman Negara
Pengarah Institut Perkhidmatan Awam
Pengarah Unit Pengajian Strategik, Bahagian Perancangan dan Ehwal Kabinet